

No. Sebutharga : **JBPM/SL/SH/(S)/35-2025**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET KERAJAAN**

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor
No. 3 Persiaran Tebar Layar
Seksyen U8, Bukit Jelutong
40150 Shah Alam, Selangor**

1. Tawaran adalah terbuka dan dipelawa dari syarikat ataupun orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	MITSUBISHI PAJERO TAHUN 2002	WKH 1244	1	2,000.00

Aset boleh dilihat pada **5 Mei 2025** hingga **12 Mei 2025** di antara jam **10.00 pagi** hingga **3.00 petang** di **Bahagian Kejuruteraan JBPM Negeri Selangor Seperti Lampiran A.**

2. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang bernombor siri dan hanya boleh diperoleh daripada **Urusetia Sebutharga** di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
3. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebutharga **JBPM/SL/SH/(S)/35-2025** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**Unit Pentadbiran Am, Aras 2
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor
No. 3 Persiaran Tebar Layar
Seksyen U8, Bukit Jelutong
40150 Shah Alam, Selangor**

4. Tarikh tutup Sebutharga pada **12 Mei 2025** jam 12.00 tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PKPjB WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL)

Pengarah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Negeri Selangor

Tarikh : 2 Mei 2025

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Tunai atau Cek Syarikat sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Resit Asal bagi deposit sebut harga akan dikeluarkan oleh Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor kepada penyebut harga.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh **SST dikeluarkan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari bekerja selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
10. Penyebut harga diminta untuk mengisi dan menghantar Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28).
11. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang Berjaya membayar sepenuhnya harga jualan Aset Alih tersebut.
12. Pemulangan deposit hanya akan diberikan kepada penyebut harga yang mengemukakan Resit Asal deposit tersebut kepada Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor.
13. Jika penyebut harga enggan mengambil Aset Alih selepas sebut harganya disetujui terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.

LOKASI ASET ALIH KERAJAAN

Bil.	Keterangan Aset	No. Pendaftaran Kenderaan	Lokasi
1	mitsubishi pajero tahun 2002	WKH 1244	Bahagian Kejuruteraan Jentera, Persiaran Sultan, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor